

Laporan Akhir

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022

LAPORAN AKHIR

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022





INDEKS PERPADUAN
NASIONAL

LAPORAN AKHIR
INDEKS PERPADUAN NASIONAL
(IPNas) 2022



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Putrajaya, 2022

Hak cipta / *Copyright* Kementerian Perpaduan Negara (KPN), 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of National Unity, Malaysia.

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

Cara memetik laporan ini:

IKLIN (2022). Indeks Perpaduan Nasional 2022 (IPNas 2022). Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN). Kementerian Perpaduan Negara. Putrajaya. Malaysia



KANDUNGAN

PASUKAN KAJIAN	4	DAPATAN KAJIAN	37
PENGHARGAAN	5	• Demografi Responden	37
RINGKASAN EKSEKUTIF	7	• Pencapaian IPNas 2022 Peringkat Nasional	40
PENGENALAN	11	• Pencapaian IPNas 2022 Mengikut Negeri	58
• Latar Belakang	11	• <i>Importance-Performance Map Analysis (IPMA)</i>	69
• Perkembangan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022	11	• Peningkatan Prestasi Kesepaduan Sosial	69
• Objektif dan Matlamat	13	CADANGAN PELAN TINDAKAN	73
• Punca Kuasa IPNas 2022	14	• Pemetaan Dapatan IPNas 2022 dengan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030	73
• Kepentingan IPNas	14	RUMUSAN	74
• Kaitan IPNas 2022 dengan Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (<i>Blueprint</i>) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030	15	RUJUKAN	75
• Limitasi Kajian	16	GLOSARI	76
• Asas Pembangunan IPNas	17	LAMPIRAN	79
• Konsep, Konstruk dan Komponen IPNas 2022	21		
• Model Konsep Indeks Perpaduan Nasional	24		
SOROTAN LITERATUR	26		
• Indeks Antarabangsa Berkaitan Perpaduan	26		
• Indeks Nasional Berkaitan Perpaduan	28		
METODOLOGI	32		
• Reka Bentuk Kajian	32		
• Pensampelan	32		
• Kaedah Pengumpulan Data	32		
• Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kajian	33		
• Penganalisan Data	36		



PASUKAN KAJIAN

PENAUNG

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

PENASIHAT

YBrs. Dr Kang Tong Hum
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional

SEKRETARIAT KAJIAN

BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Dr. Ang Li Ling
Encik Mohd Rizal bin Nawabjam

BAHAGIAN PENYELARASAN KAJIAN DAN MAKLUMAT, INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL

Tuan Haji Abdul Hadi bin Mohd Salleh
Puan Marlina binti Termudi
Puan Syadatul Amira binti Aminudin

PASUKAN PENYELIDIK

Profesor Dr. Kartini binti Aboo Talib@Khalid
Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi bin Ishak
Profesor Dr. Mansor bin Mohd Noor
Profesor Madya Dr. Norsiah binti Abdul Hamid
Profesor Madya Dr. Mohd Mahadee bin Ismail
Profesor Madya Dr. Chin Yee Mun
Profesor Madya Dr. Hairol Anuar bin Hj Mak Din
Dr. Azlina binti Abdullah
Dr. Nur Atiqah Tang binti Abdullah
Dr. Nor Azlili binti Hassan
Dr. Noraihan binti Mohamad
Dr. Ummi Munirah Syuhada binti Mohamad Zan
Encik Ahmad Zul Hakimi bin Hassim
Puan Bahirah Syazana binti Mohamad Zan
Encik Yuriny bin Adnan
Puan Intan Suraya binti Razak



PENGHARGAAN

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian, agensi serta jabatan yang terlibat dalam melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022. Penghargaan ini ditujukan kepada semua yang terlibat seperti berikut:

- KEMENTERIAN DALAM NEGERI
- KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
- KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
- KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
- INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES), KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
- JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
- UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI
- UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI
- BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, KPN
- BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT, KPN
- SEKRETARIAT MAJLIS PERPADUAN NEGARA, KPN
- JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)
- INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL (IKLIN)

Serta semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan IPNas 2022. Semoga IPNas 2022 menjadi rujukan kepada semua pihak dalam merencana dan membangunkan program-program perpaduan bagi meningkatkan Kesepaduan Sosial dan perpaduan nasional ke tahap yang lebih baik.

Laporan Akhir

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022



RINGKASAN EKSEKUTIF


Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 adalah inisiatif penting kerajaan **bertujuan mengukur pencapaian tahap Perpaduan semasa** dalam kalangan rakyat Malaysia. IPNas 2022 dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara di mana UKM Pakarunding dilantik sebagai perunding kajian.

Tahap perpaduan yang terbentuk sebagai biografi diri setiap individu rakyat Malaysia adalah pencapaian terkumpul dalam faktor Kesepaduan Sosial (KS) sejak sekian lama, hasil jalinan faktor sejarah dan struktur sosial dalam kehidupan masing-masing.

Enam komponen dalam faktor Kesepaduan Sosial telah mencapai tahap persetujuan yang tinggi iaitu melebihi tiga perempat daripada jumlah responden kajian. Komponen Rasa Kekitaan rakyat Malaysia menunjukkan pencapaian tertinggi iaitu sehingga 90%. Tiga komponen yang mencapai tahap persetujuan melebihi 80% ialah Penyertaan, Kesamaan dan Pengiktirafan manakala dua komponen menghampiri tahap persetujuan 80%

iaitu keterangkuman dan legitimasi. Dapatan ini telah menunjukkan pembentukan perpaduan telah berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh kerana itulah Kesepaduan Sosial telah dijadikan komponen asas kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini.

Walaupun begitu, nilai IPNas 2022 bukan disandarkan semata-mata kepada pencapaian nilai Kesepaduan Sosial hasil gabungan keenam-enam komponen tersebut, tetapi dihasilkan melalui jalinan luas secara langsung dan tak langsung satu model berstruktur yang mengandungi faktor Kesepaduan Sosial dan empat faktor lain yang menjadi penentu kepada perubahan nilai dalam Kesepaduan Sosial. Empat faktor ini ialah Tahap Keetnikan (TK), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE), Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) dan Etos Bangsa (EB). IPNas 2022 juga menguji pengaruh sepuluh kategori Defisit Sosial dalam model berstruktur ini untuk menentukan kategori yang masih menjadi isu yang boleh menggugat pencapaian tahap perpaduan.



Rajah 1: Kesepaduan Sosial

Asas Pembangunan IPNas

IPNas dibangun berdasarkan dua asas konsep yang penting. Pertama, konsep *Sociological Imagination* dalam struktur ilmu sosiologi yang dikemukakan oleh C. Wright Mills (1959). Konsep ini mengandungi tiga elemen iaitu Sejarah, Struktur Sosial dan Biografi. Matlamat IPNas adalah mengukur perubahan tahap perpaduan yang telah menjadi biografi diri setiap individu rakyat Malaysia sejak kecil hingga kini.

Kedua, konsep Perpaduan Kefahaman Terkini yang mengandungi konsep 'Perpaduan yang diidamkan, Kesepaduan yang dicapai, Penyatupaduan yang diusahakan'. Konsep ini digerakkan sejak tahun 2013 oleh Majlis Konsultatif Perpaduan Negara. IPNas adalah alat pengukuran kepada 'Kesepaduan yang dicapai' dalam konsep ini.

Projek Kajian Pembangunan IPNas 2022

Kajian pembangunan pengukuran IPNas dimulakan kali pertama oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam suku ketiga tahun 2017 hingga suku pertama tahun 2019. Institut Kajian Etnik diberi peranan untuk mereka bentuk acuan pembangunan ini. Hasil kajian yang dinamakan sebagai 'IPNas 2018' telah membolehkan IPNas dijadikan asas pengukuran tahap perpaduan yang penting kepada negara. IPNas ditetapkan sebagai indikator penunjuk

tahap perpaduan dalam Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) dan salah satu indeks penting dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

IPNas 2022 mengandungi 162 item meliputi enam konstruk dan 35 komponen. IPNas 2022 menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan kaedah tinjauan keratan rentas. Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) digunakan sebagai asas penjanaan sampel kajian. Kutipan data kajian dijalankan pasca pandemik COVID-19 iaitu dari 5 Januari hingga 24 Februari 2022 meliputi 13 negeri di Malaysia dan tiga Wilayah Persekutuan. Sebanyak 28,613 responden kajian telah diperolehi dan digunakan dalam analisis. Kesemua enam konstruk kajian ini mencapai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang baik berdasarkan ujian kebolehpercayaan komposit melebihi 0.7 dan kesahan konvergen (AVE) melebihi 0.5. Pengumpulan data dibuat oleh enumerator dilantik yang hadir ke tempat tinggal responden berdasarkan Tempat Kediaman (TK) yang ditetapkan mengikut Blok Penghitungan (BP) yang dijana oleh DOSM. Penganalisan data berdasarkan bilangan, peratus dan nilai terkumpul *R Squared* (R^2) konstruk Kesepaduan Sosial, Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Sosial (HSRE), Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) dan Etos Bangsa (EB).

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah wanita (70%). Dua kategori umur tertinggi yang


terlibat sebagai responden ialah 31-40 tahun (30.3%) dan 41-50 tahun (32.7%). Etnik Melayu paling banyak terlibat dalam kajian ini (70.7%), diikuti oleh Cina (17.5%), India (5.6%) dan selebihnya adalah etnik lain. Majoriti responden beragama Islam (74.6%), Buddha (14.7%), Hindu (4.9%) dan Kristian (4.6%). Sebanyak 66.8% responden kajian berpendidikan tinggi pada peringkat ijazah, profesional atau setaraf dengannya, manakala 10.6% berpendidikan menengah (SPM dan setaraf). Daripada tiga jenis isi rumah peringkat keluarga yang terlibat dalam kajian ini, 53.2% adalah pasangan isi rumah, 36% adalah ketua isi rumah, manakala 10.8% merupakan anak berumur di antara 15 hingga 24 tahun. Majoriti responden kajian berpendapatan antara RM4,851 hingga 10,959 (50.5%).

Tahap Perpaduan Rakyat Malaysia 2022

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 mencatat skor 0.629 pada skala tahap perpaduan di antara 0.0 hingga 1.0. Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0-0.24), tahap perpaduan rendah (0.25-0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50-0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.75-1.0).


IPNas 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding nilai IPNas 2018 iaitu 0.567. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sederhana dan terkawal. Peningkatan dalam nilai indeks ini menunjukkan

bahawa rakyat Malaysia masih mampu mengukuhkan tahap perpaduan yang erat walaupun telah melalui kehidupan mencabar semasa pandemik COVID-19. Inilah bukti bahawa rakyat Malaysia mampu hidup bersama secara aman, damai dan harmoni dalam kepelbagaian masyarakat.



Rajah 2: Skor Tahap Kesepaduan Sosial

Jadual 1: Skala Tahap Perpaduan



Di antara keempat-empat faktor yang diuji dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan ini, Tadbir Urus dan Pembangunan didapati paling tinggi menyumbang. Analisis *Importance-Performance Map Analysis* (IPMA) jelas menunjukkan bahawa faktor inilah yang paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Umumnya, tahap perpaduan telah melebihi 60% mengikut jantina, kategori jenis ahli keluarga, kategori umur, etnik, agama, pendapatan isi rumah dan tahap pendidikan.

Lelaki, ketua keluarga dan golongan remaja (berumur di antara 15 hingga 20 tahun) didapati lebih tinggi tahap perpaduan. Pencapaian ini adalah disebabkan oleh pendedahan dan pergaulan yang lebih luas di luar rumah berbanding golongan lain.

Semua etnik dalam negara ini, kelompok minoriti dalam beragama, golongan yang masih dibiayai pendapatan mereka (iaitu pelajar dan suri rumah) dan golongan dengan tahap pendidikan rendah didapati mempunyai tahap perpaduan lebih tinggi berbanding golongan lain. Dapatan ini menunjukkan bahawa matlamat dan usaha untuk meningkatkan pencapaian tahap perpaduan selama ini kepada pelbagai kumpulan sasaran melalui pelbagai aktiviti telah berhasil.

Penelitian khusus sebagai perbandingan pada peringkat individu, keluarga dan komuniti mendapati bahawa tahap perpaduan dicapai lebih tinggi pada peringkat keluarga. Dapatan ini amat menarik dan sebagai bukti penting bahawa keluarga merupakan agen terpenting untuk menggerakkan individu dan komuniti ke arah pencapaian tahap perpaduan yang lebih erat. Oleh itu, usaha lebih giat diperlukan untuk memperkasa institusi keluarga.

Dalam keluarga, perbandingan intra-generasi mendapati bahawa suami menunjukkan tahap perpaduan lebih tinggi daripada isteri pada peringkat individu manakala perbandingan inter-generasi menunjukkan bahawa ibu mempunyai tahap perpaduan lebih tinggi pada peringkat komuniti berbanding anak. Dapatan ini menjelaskan bahawa golongan lelaki sebagai suami perlu menjadi agen asas terpenting dalam menggerakkan pencapaian tahap perpaduan. Golongan wanita sebagai ibu pula adalah agen terpenting dalam komuniti untuk membantu anak-anak membina tahap perpaduan dalam komuniti.

IPNas 2022 telah mencapai objektif sebagai kayu pengukur tahap perpaduan penting dalam kalangan rakyat Malaysia. Usaha seterusnya adalah untuk meneliti dengan lebih berfokus komponen dan elemen dalam faktor-faktor kajian yang perlu diuruskan supaya nilai IPNas dapat ditingkatkan ke tahap lebih baik.



PENGENALAN

Latar Belakang

Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara ini. Menyedari kepentingan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah melantik pasukan penyelidik dari Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UKM Pakarunding Sdn Bhd untuk melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022.

Kajian IPNas 2022 ini penting dan bertepatan dengan matlamat yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di bawah Teras Strategik 7: Modal Sosial, untuk meningkatkan persefahaman dan mewujudkan keharmonian yang berkekalan antara masyarakat berbilang kumpulan etnik dan agama di Malaysia.

Dalam usaha memperkukuh modal sosial dan perpaduan nasional untuk kemakmuran negara, Indeks Perpaduan Nasional juga merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) peringkat nasional di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12).

Ia juga selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

IPNas 2022 dimasukkan dalam dokumen DPN sebagai satu pengukuran kemakmuran Malaysia di peringkat nasional dengan menggunakan kaedah empirikal dan sistematik bagi memahami dan menjelaskan kedinamikan masyarakat. IPNas merupakan indeks yang menjadi penanda aras dalam mengukur tahap pencapaian Kesepaduan Sosial dan perpaduan nasional di Malaysia.

Perkembangan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas 2022)

IPNas yang pertama telah dibangunkan pada tahun 2018. Ia merupakan asas bagi membina indeks berdasarkan satu model struktur yang menyeluruh untuk memahami kompleksiti hubungan etnik dan perpaduan di Malaysia. Usaha kali ini adalah suatu kegiatan penerusan IPNas 2018. Maka IPNas 2022 melestarikan usaha untuk menginstitusikan pelaksanaan indeks sebagai penanda aras yang boleh dirujuk pelbagai pihak dari dalam dan luar negara mengenai Kesepaduan Sosial Malaysia.

IPNas 2022 berdepan dengan cabaran besar berikutan pandemik COVID-19. Walaupun kadar penularan semakin terkawal, dan majoriti rakyat yang

telah lengkap divaksin, kepatuhan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) terutamanya penjarakan fizikal menyukarkan usaha mendekati individu dan keluarga secara bersemuka.

IPNas 2022 meneruskan penggunaan kaedah analisis *Partial Least Square Structural Equation Modelling* (PLS-SEM) dengan memaparkan nilai pekali R^2 bagi mengukur tahap kesepaduan terkini. Nilai Kesepaduan Nasional bagi 2022 ialah 0.629, iaitu peningkatan sebanyak 0.062 berbanding nilai IPNas 2018 iaitu pada tahap 0.567.

Penemuan Hair et al (2021) telah menambah baik skala pengukuran kajian tingkah laku manusia yang selama tiga puluh empat tahun saintis telah menggunakan skala rujukan Cohen J. (1988). Skala pengukuran Hair et al (2021) mempunyai empat peringkat berbanding Cohen J. (1988) iaitu tiga peringkat. Ketepatan pengukuran Hair et al (2021) dalam merumuskan kajian tingkah laku manusia adalah sesuai dengan IPNas 2022 yang meletakkan fokus utama memahami tahap Kesepaduan Sosial masyarakat Malaysia yang rencam dan kompleks. Aplikasi skala Hair et al (2021) mengekalkan nilai skor pekali R^2 pada IPNas 2018 walaupun dalam kategori berbeza.

Jadual 2: Skala Cohen J. (1988)

Tahap	Nilai R^2
Tinggi	0.26-1.00
Sederhana	0.13-0.25
Rendah	0.02-0.12

Jadual 3: Skala Hair et al (2021)

Tahap	Nilai R^2
Tinggi	0.75-1.00
Sederhana	0.50-0.74
Rendah	0.25-0.49
Lemah	0.00-0.24

Nota:

- a. Jacob Cohen (1998) melalui buku beliau bertajuk *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences* telah mencipta skala pengukuran tahap tingkahlaku manusia. Beliau adalah seorang saintis dalam bidang psikologi kemanusiaan yang telah melakukan beribu survei sejak 1960an dengan merujuk pelbagai disiplin ilmu termasuk psikologi, sosiologi, geografi, pendidikan dan kriminologi bagi mengenal pasti perspektif yang boleh dikategorikan dalam *small*, *medium* dan *large* menerusi meta-analisis.
- b. Joseph F. Hair, G. Tomas M. Hult, Christian M. Ringle, & Marko Sarstedt (2021 dan 2022) dalam buku mereka *'A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)'* telah menggunakan analisis *multivariate* dalam membina perisian PLS-SEM dengan skala pengukuran yang sesuai untuk menilai hasil perspektif tingkahlaku manusia. Inovasi PLS-SEM ini telah memperkemas dan menambahbaik kajian tingkahlaku sains sosial sebelumnya dengan teknologi terkini yang tepat menentukan lima elemen penting iaitu (1) pembolehubah komposit, (2) pengukuran, (3) skala pengukuran, (4) *coding*, (5) agihan data.



Objektif dan Matlamat

Objektif IPNas 2022 adalah seperti berikut:

1. Mengemas kini dan menambah baik set instrumen soal selidik dan konstruk analitikal IPNas bagi mengukur tahap perpaduan di Malaysia;
2. Mengukur tahap perpaduan negara di peringkat nasional dan mengikut negeri;
3. Melaksanakan ujian berstatistik untuk menentukan sukatan pemberat bagi setiap petunjuk dan indeks yang telah dikenal pasti;
4. Menghasilkan Indeks Perpaduan Nasional Fasa 2 (IPNas 2022); dan
5. Mencadangkan strategi dan tindakan yang diperlukan untuk memantapkan perancangan dan pelaksanaan program bagi meningkatkan tahap perpaduan di Malaysia.

Matlamat IPNas 2022 ialah menghasilkan laporan indeks terkini untuk mendapatkan gambaran makro keadaan semasa Kesepaduan Sosial negara. Laporan ini boleh menjadi panduan dan rujukan kepada pihak berkepentingan dan yang mempunyai minat mendalam mengenai Malaysia.



Punca Kuasa IPNas 2022

Dalam usaha memperkukuh modal sosial dan perpaduan nasional untuk kemakmuran negara, Indeks Perpaduan Nasional telah ditetapkan sebagai salah satu indikator penting terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program kerajaan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12).

IPNas juga adalah salah satu indikator sosial yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi memastikan pembangunan yang holistik dan menepati kehendak pelbagai budaya selaras dengan identiti nasional.

Keentingan IPNas



Menjadi penanda aras dalam mengukur pencapaian tahap perpaduan negara.



Mewujudkan konstruk yang komprehensif dalam mengukur tahap kesepaduan sosial dan perpaduan di Malaysia.



Mengukur tahap perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi melihat *trend* perubahan bersesuaian dengan isu semasa dan perubahan masyarakat.



Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan tahap perpaduan dan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.



Menyediakan input bagi perancangan dan pelaksanaan program perpaduan/ integrasi nasional di Malaysia berdasarkan data empirikal.




Membolehkan Malaysia dipetakan setaraf dengan negara-negara maju yang mempunyai indeks bagi mengukur tahap kesepaduan nasional dalam kalangan masyarakat berasaskan prestasi dan pencapaian kesepaduan sosial.

Kaitan IPNas 2022 dengan Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021 - 2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030

Kajian IPNas 2022 menjadi panduan bagi mengukur tahap kekitaan, keterangkuman, penyertaan aktiviti dan penglibatan komuniti di seluruh negara sejajar dengan matlamat Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030, dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (PTPN).

IPNas juga menjadi rujukan bersifat empirikal untuk menyokong keberhasilan objektif dan matlamat murni ketiga-tiga dokumen dasar, *blueprint* dan pelan tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ia turut memberi petunjuk kepada pendekatan yang perlu diperkasa, diperkukuh dan ditambahbaik dari masa ke semasa sebagai langkah intervensi.

IPNas turut bertindak sebagai elemen kesinambungan yang menjalin erat Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 agar semua usaha hasil dari aspirasi rakyat dilaksana dengan berkesan oleh kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri dengan penglibatan aktif badan bukan kerajaan seterusnya dapat digemblengkan ke arah menzahirkan 'perpaduan dalam kepelbagaian'.



Sumber: <https://www.perpaduan.gov.my/index.php/bm/dasarr-3/dasarr-2/dasar-perpaduan-negara-dpn>

Limitasi Kajian

Kajian IPNas 2022 dilaksanakan dalam tempoh pandemik COVID-19. Wujud pelbagai kekangan dalam pelaksanaan, khususnya melibatkan kutipan data. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mencapai jumlah sampel yang ditetapkan. Namun, jumlah sampel di beberapa buah negeri tidak mencapai jumlah yang ditetapkan. Oleh itu, cerapan data yang diperoleh bagi enam (6) negeri dan dua (2) Wilayah Persekutuan, iaitu Johor, Kedah, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya tidak boleh digeneralisasikan untuk menggambarkan realiti sebenar tahap perpaduan pada peringkat negeri tersebut.

Disebabkan pelbagai kekangan dalam proses kutipan data semasa pandemik COVID-19, pelaporan IPNas 2022 adalah bersifat melaporkan hasil analisis sebagai asas kefahaman masyarakat dan panduan umum mengenai pencapaian tahap perpaduan di Malaysia. Oleh itu, penggunaan hasil analisis ini secara spesifik bagi enam negeri dan dua Wilayah Persekutuan seperti dinyatakan untuk sebarang tujuan tertentu adalah tidak digalakkan dan di luar konteks pelaporan ini.

Nota Penafian: Analisis yang dipaparkan di enam (6) negeri dan dua (2) Wilayah Persekutuan iaitu Johor, Kedah, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya adalah berdasarkan responden yang menyertai kajian ini dan tidak mewakili pandangan populasi penduduk di negeri tersebut. Ia harus ditafsir secara berhati-hati bagi menilai impak tahap perpaduan dan ia bukanlah statistik rasmi.

Asas Pembangunan IPNas

Asas Pertama: Tiga (3) konsep asas memahami masyarakat (Sejarah, Struktur, dan Biografi)


Seorang ahli sosiologi Amerika, C Wright Mills dalam bukunya bertajuk *Sociological Imagination* (1959) mengemukakan tiga kata kunci penting dalam membincangkan kajian mengenai masyarakat, iaitu struktur, sejarah dan biografi. Ketiga-tiga elemen ini saling kait-mengait dan terikat kepada unit asas masyarakat dari peringkat individu, keluarga dan komuniti.

Perubahan tingkah laku manusia bergerak dalam suatu struktur sosial berdasarkan susur masa yang melahirkan sejarah di mana pada akhirnya struktur dan sejarah ini yang akan mentakrifkan biografi manusia.

Maka pembinaan indeks ini meliputi struktur sosial, sejarah dan biografi masyarakat Malaysia yang terikat dengan ilmu dan warisan kolonial dalam menentukan sifat masyarakat majmuk yang dibentuk.

Kerangka IPNas ini perlu dilihat dalam *social imagination* yang umum sifatnya dan boleh diaplikasi dalam semua masyarakat sedunia.

Maka *social imagination* dalam indeks ini menekankan aspek perubahan dan tingkah laku masyarakat yang pelbagai dalam mengukur tahap kesepaduan yang sedia ada sebagai usaha menuju ke arah perpaduan.



Rajah 3: Tiga (3) Konsep Asas

Asas Kedua: Perpaduan Kefahaman Terkini

Konsep Tiga Serangkai Shamsul (KTSS). Konsep ini diperkenalkan buat pertama kali dalam satu kertas persidangan bertemakan Pemantapan Citra Kenegaraan 2013 (Cosna, 2014) untuk membina kefahaman baharu mengenai sifat perpaduan di Malaysia melibatkan secara serentak konsep 'perpaduan (diidamkan), kesepaduan (dicapai) dan penyatupaduan (diusahakan)'.

Kefahaman baharu tercetus apabila melihat kembali dinamika perpaduan yang kompleks di Malaysia dan didapati tidak boleh diungkapkan dalam satu perkataan atau konsep perpaduan yang muncul dan berkembang selepas peristiwa 13 Mei 1969. Kefahaman awal ini membataskan usaha memahami dan menghuraikan kerumitan dalam hubungan pelbagai etnik di Malaysia yang berhadapan dengan cabaran "bersetuju untuk bersetuju" dan "bersetuju untuk tidak bersetuju."

Cabaran ini sebenarnya membina fenomena dan realiti 'kesepaduan' di Malaysia dan membuktikan bahawa perpaduan ternyata terus diidamkan. Keadaan ini menghasilkan 'Defisit Sosial' sebagai suatu konsep yang melengkapkan kefahaman kesepaduan. Elemen ini diuji dalam kajian IPNas 2022.

Penyelesaian terhadap Defisit Sosial ini terletak dalam usaha membina 'Tapak Integrasi' berprinsipkan pendekatan perundingan, tawar-menawar dan mediasi. Ikhtiar ini bermatlamat ke arah 'Penyatupaduan' yang diusahakan secara berterusan.

Asas Ketiga: Tapak Integrasi

Tapak integrasi ialah satu ruang abstrak dan fizikal yang menemukan pelbagai pihak berkepentingan untuk bersama-sama mencari penyelesaian. Tapak integrasi ialah medium yang dinamik bagi menguruskan pertelingkahan dan perselisihan faham yang wujud dalam komuniti. Usaha penyatupaduan masyarakat memerlukan pembinaan dan pengukuhan tapak integrasi secara berterusan.

Rakyat Malaysia juga perlu mempunyai semangat kesukarelawanan yang tinggi bagi menunjukkan kesedaran terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam komuniti. Penglibatan rakyat, khususnya generasi muda dalam aktiviti kebajikan dan kesukarelawanan bukan sahaja memberikan impak positif kepada diri sendiri, malah masyarakat setempat yang memerlukan perhatian serta bantuan.

Aktiviti sosial lain seperti kebudayaan dan sukan dalam komuniti juga perlu dilaksanakan dengan lebih aktif sebagai tapak integrasi yang meningkatkan interaksi sosial merentasi etnik, agama dan kelas sosial.

Asas Keempat: Formula Penyelesaian (Tawar-menawar, Perundingan, dan Mediasi)

Malaysia wujud dalam suatu realiti sosial bersifat *unity in diversity* atau perpaduan dalam kepelbagaian. Sifat demografi Malaysia memaparkan bahawa bilangan penduduk bumiputera dan bukan bumiputera adalah hampir sama, 50:50. Keadaan ini tidak membolehkan asimilasi menjadi landasan kepada perpaduan. Landasan yang lebih sesuai dan telah dipilih semasa mencapai kemerdekaan ialah integrasi. Implikasinya ialah perpaduan masih kita cari.

Apa yang sebenarnya telah ditemui selama ini adalah Kesepaduan Sosial yang di dalamnya memaparkan beberapa ruang Defisit Sosial. Penyelesaian kepada Defisit Sosial ini ialah melalui usaha dan proses yang berterusan.

Proses penyelesaian setiap Defisit Sosial ini, sama ada yang besar mahupun yang khusus, telah pun berlaku sekian lamanya di Malaysia, semenjak sebelum merdeka lagi, melalui Formula BNM iaitu 'Tawar-Menawar (*Bargaining*), Perundingan (*Negotiation*) dan Mediasi (*Mediation*)'. Inilah yang mendasari proses Penyatupaduan (*reconciliation*) di Malaysia sehingga ke saat ini.

PERPADUAN KEFAHAMAN TERKINI



Rajah 4: Perpaduan Kefahaman Terkini

Asas Kelima: Defisit Sosial

Secara umumnya, terdapat isu dan cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat tetapi dikaitkan sebagai masalah perpaduan dalam konteks yang kurang tepat. Melalui beberapa sesi konsultasi yang menyeluruh, pelbagai isu dan cabaran telah dibangkitkan oleh rakyat Malaysia yang dapat dikategorikan kepada 10 perkara di bawah Defisit Sosial, iaitu:



Rajah 5: Defisit Sosial

Konsep, Konstruk dan Komponen IPNas 2022

IPNas 2022 melibatkan enam konstruk iaitu Kesepaduan Sosial, Etos Bangsa, Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan, dan Defisit Sosial.

Kesepaduan Sosial

Kesepaduan Sosial adalah merujuk kepada keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat berbilang etnik. Di Malaysia, Kesepaduan Sosial adalah berasaskan konsep kepelbagaian budaya yang tersulam dalam sebuah negara tamu dan berasaskan etnik di mana corak pembinaan negara ini mempunyai sejarah, struktur sosial dan biografi yang unik.

Kesepaduan Sosial merupakan satu tahap pencapaian dalam proses menuju matlamat akhir perpaduan negara dan integrasi nasional yang diidamkan. Pada tahap Kesepaduan Sosial ini, rakyat pelbagai etnik, agama dan wilayah membentuk perhubungan horizontal yang merentas dan melangkau batas etnik, agama dan wilayah. Kumpulan-kumpulan etnik di Malaysia didapati memiliki tahap keetnikan dan batas etnik sekunder sebagai pendorong ke atas pilihan tindakan sosial mereka.

Penerokaan awal konsep Kesepaduan Sosial di Malaysia adalah berpaksikan kepada enam komponen konsep Kesepaduan Sosial yang dikemukakan

oleh Jenson (1998) dan Bernard (1999). Sungguhpun menggunakan enam komponen yang sama, asas konsep telah disesuaikan dalam konteks Malaysia seperti berikut:

Rasa Kekitaan (*Belonging*) (4 item) untuk mengukur nilai bersama, identifikasi bercirikan Malaysia, dan nilai kemanusiaan.

Keterangkuman (*Inclusion*) (4 item) untuk mengukur hak diliputi dalam mendapat pengagihan kekayaan seperti bantuan, pemilikan rumah, pekerjaan dan pendidikan.

Penyertaan (*Participation*) (4 item) untuk mengukur penglibatan dalam persatuan/badan kebajikan, NGO, mengundi calon/parti dalam pilihanraya dan berbincang perihal politik.

Pengiktirafan (*Recognition*) (4 item) untuk mengukur konsep menerima perbezaan pendapat, memberi penghargaan kepada rakyat berjasa dan mengiktiraf kepelbagaian agama.

Legitimasi (*Legitimacy*) (4 item) untuk mengukur ketidakadilan dalam layanan, usaha memburukkan pemerintah, perbezaan undang-undang berkaitan agama dan janji politik.

Kesamaan (*Equality*) (4 item) untuk mengukur konsep mendapat peluang dan ruang yang sama dari segi keselamatan, ekonomi, pendidikan dan pekerjaan.

Etos Bangsa

Istilah Etos Bangsa merujuk kepada konsep untuk menerangkan mengenai Etos Nasional Bangsa Malaysia. Konsep ini berkaitan dengan keterikatan emosi kolektif nasional dengan sejarah sosial yang dikongsi bersama, menerima pasak dan tapak integrasi dalam perlembagaan, dan mendokong Tadbir Urus dan Pembangunan yang menjamin kesepaduan, kestabilan dan kesejahteraan hidup rakyat. Keterikatan emosi kolektif nasional ini membina kesetiaan dan kecintaan kepada negara hingga lahir semangat patriotisme dan nasionalisme yang melangkaui batas etnik, agama dan wilayah.

Dalam kajian ini, Etos Nasional Bangsa Malaysia dibentuk dan diukur berdasarkan tujuh komponen iaitu Perkongsian Sejarah (2 item), Perkongsian Nilai (2 item), Kekitaan Bersama (2 item), Keterikatan Emosi Negara (2 item), Perkongsian Masa Depan (4 item), Kesetiaan (2 item) dan Komitmen (2 item).

Tahap Keetnikan

Hampir keseluruhan masyarakat Malaysia memperlihatkan kecenderungan besar kepada keterikatan dengan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing. Dapatan ini menunjukkan bahawa hal etnik perlu diteliti dengan serius. Hal etnik perlu ditadbir urus dan memerlukan pembangunan yang seimbang dalam semua perkara berkaitan dengan etnik.

Pembangunan, perindustrian, kosmopolitan dan kelas menengah di Malaysia telah melahirkan budaya modeniti dan penerimaan kepada kepelbagaian kehidupan sebagai satu budaya hidup yang dikongsi bersama oleh majoriti masyarakat. Nilai-nilai moden dan sejagat ini membina pilihan tindakan rasional termasuk apabila mereka menilai agama dan budaya tradisional setempat.

Dalam kajian ini, Tahap Keetnikan diukur berdasarkan tiga komponen iaitu Keetnikan (7 item), Kemodenan (5 item) dan Kestabilan (10 item).

Hubungan Sosial Rentas Etnik

Hubungan Sosial Rentas Etnik merujuk kepada jalinan hubungan sosial yang berlaku merentas ruang antara etnik. Konstruk ini diukur berdasarkan tiga peringkat dalam masyarakat iaitu Individu, Keluarga dan Komuniti. Dalam ketiga-tiga peringkat, penelitian dilakukan dalam pelbagai konteks antaranya pergaulan seharian, derma dan keterlibatan dalam aktiviti kebudayaan dan kebajikan, interaksi sosial secara bersemuka dan melalui media serta kunjung-mengunjung. Dalam kajian ini, komponen Individu mengandungi 8 item, komponen Keluarga (8 item) dan komponen Komuniti (8 item).

Tadbir Urus dan Pembangunan

Tadbir Urus dan Pembangunan negara merujuk kepada pelaksanaan proses mentadbir urus dan membangunkan negara oleh pihak berautoriti dari kaca mata rakyat. Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada soal

bagaimana kerajaan sedia ada berkeupayaan mengurus berkaitan hal ekonomi, politik, jenayah dan rasuah, perkhidmatan awam, kemudahan awam dan pengurusan masyarakat.

Enam komponen Tadbir Urus dan Pembangunan iaitu Ekonomi (4 item), Politik (4 item), Jenayah dan Rasuah (4 item), Perkhidmatan Awam (4 item), Kemudahan Awam (4 item) dan Pengurusan Masyarakat (4 item).

Defisit Sosial

Defisit Sosial merujuk kepada isu dan cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat tetapi dikaitkan sebagai masalah perpaduan dalam konteks yang kurang tepat. Melalui beberapa sesi konsultasi yang menyeluruh, pelbagai

isu dan cabaran yang telah dibangkitkan oleh rakyat Malaysia dapat dikategorikan kepada 10 kategori iaitu etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar desa dan media.

Dalam kajian ini, setiap kategori defisit sosial telah dikonstruksikan seperti berikut: Etnisiti (4 item), Agama (4 item), Kelas Sosial (5 item), Pendidikan (5 item), Bahasa (5 item), Jurang Generasi (6 item), Gender (6 item), Politik Federalisme (10 item), Ruang Bandar Desa (6 item) dan Media (5 item).

Rajah 6 menunjukkan ringkasan setiap konstruk dan komponen masing-masing.



Rajah 6: Ringkasan Konstruk dan Komponen IPNas 2022

Model Konsep Indeks Perpaduan Nasional

Secara keseluruhannya Model IPNas memaparkan gabungan konsep dan konstruk pengukuran bagi mengukur pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Model Indeks Perpaduan Nasional menunjukkan dua bahagian penting. Pertama, konsep Perpaduan Kefahaman Terkini 'Perpaduan yang diidamkan, Kesepaduan yang dicapai dan Penyatupaduan yang diusahakan' dan disusun untuk menaungi konstruk-konstruk pengukuran. Kedua, konstruk-konstruk pengukuran yang dihasilkan mengikut konsep Perpaduan Kefahaman Terkini ini dan boleh diukur secara empirikal.

Semasa proses penerokaan awal IPNas dalam tahun 2018, Detik Perpaduan dan Detik Perbezaan digunakan untuk mengukur konsep Perpaduan yang diidamkan. Semakin banyak Detik Perpaduan muncul berbanding Detik Perbezaan, maka perpaduan dianggap tercapai, namun apa diidamkan ini tidak memberikan gambaran sebenar tahap perpaduan dan didapati tidak signifikan dijadikan pengukuran. Oleh itu, Detik Perpaduan dan Detik Perbezaan digugurkan dalam kajian IPNas 2022 kerana detik-detik tersebut hanya bersifat sementara dan sukar diukur.

Konstruk Kesepaduan Sosial dan Etos Bangsa digunakan sebagai pengukuran kepada konsep kesepaduan yang dicapai. Konstruk Kesepaduan Sosial merupakan penunjuk kepada tahap perpaduan yang dicapai dalam kalangan rakyat Malaysia. Konstruk Etos Bangsa yang diletakkan bersama Kesepaduan Sosial bertujuan menunjukkan peranan kedua-duanya secara bersama dalam menjelaskan konsep Kesepaduan Nasional. Di samping itu, terdapat perkara-perkara yang telah dikenal pasti boleh menggugat Kesepaduan Sosial iaitu Etnisiti, Agama, Kelas Sosial, Pendidikan, Bahasa, Jurang Generasi, Gender, Politik Federalisme, Ruang Bandar Desa dan Media. Kesemua perkara ini dikenali sebagai Defisit Sosial dan diukur dalam IPNas 2022.

Oleh kerana perpaduan seringkali dikaitkan dengan hal hubungan antara etnik, maka konsep penyatupaduan yang diusahakan menggunakan konstruk Tahap Keetnikan, Batas Etnik dan Hubungan Sosial Rentas Etnik sebagai asas pengukurannya. Walau bagaimanapun Batas Etnik digugurkan dalam kajian IPNas 2022 kerana didapati tidak lagi signifikan. Konstruk Tadbir Urus dan Pembangunan diletakkan bersama di bawah konsep penyatuan yang diusahakan sebagai asas untuk menunjukkan proses pengurusan etnik.

Model ini jika dihayati bersama akan membolehkan rakyat Malaysia mengaplikasikan dalam kehidupan seharian untuk meningkatkan tahap perpaduan yang dihasratkan.



Rajah 7: Model Konsep Indeks Perpaduan Nasional



SOROTAN LITERATUR

INDEKS ANTARABANGSA BERKAITAN PERPADUAN

Dua indeks antarabangsa yang mempunyai aspek berkaitan perpaduan diteliti dalam usaha membangunkan IPNas. Indeks berkenaan ialah *Global Peace Index (GPI)* dan *Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion*.

Global Peace Index (GPI)

Global Peace Index (GPI) merupakan indeks antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Institute for Economics and Peace (IEP)*. Fokus indeks ini terarah kepada memahami aspek keselamatan, ketenteraman dan konflik yang berlaku di dalam negara dan di peringkat antarabangsa berdasarkan penelitian terhadap 163 buah negara. Tahap keamanan di Malaysia direkodkan mengukuh pada kedudukan ke-25 pada tahun 2018 dan menokok pada tahun 2019 pada kedudukan ke-16. Namun kedudukan ini menjunam semula ke kedudukan ke-20 dalam tahun 2020 dan kedudukan ke-23 dalam tahun 2021. Malaysia kini direkodkan pada kedudukan ke-18 daripada 163 negara dalam tahun 2022. (Lihat Jadual 4).

Kekuatan indeks ini ialah kemampuannya untuk menggunakan pengukuran yang stabil dan sama daripada semua negara yang dikaji. Namun indeks ini terbatas kepada penggunaan maklumat berbentuk peruntukan sebagai perlambangan tahap keamanan yang dikemukakan oleh negara-negara terlibat.



Jadual 4: Kedudukan Malaysia berdasarkan *Global Peace Index (2015-2022)*

Tahun Penilaian	Jumlah Negara	Kedudukan Malaysia	Nilai Indeks Malaysia
2015	162	28	1.561
2016	163	30	1.648
2017	163	29	1.637
2018	163	25	1.619
2019	163	16	1.529
2020	163	20	1.525
2021	163	23	1.515
2022	163	18	1.471

Sumber: www.visionofhumanity.org/maps/#/

Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion

Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion adalah indeks yang dikembangkan untuk menilai tahap Kesepaduan Sosial dalam kalangan masyarakat di Australia sejak tahun 2007 sehingga kini (2021).

Kajian yang diusahakan selama 14 tahun ini menunjukkan secara purata kesemua domain Kesepaduan Sosial telah melalui proses naik dan turun beberapa mata dari tahun ke tahun. Penemuan ini mempunyai kaitan rapat dengan asas penilaian indeks yang memberi fokus kepada isu peningkatan kemasukan imigran ke negara Australia (Lihat Jadual 5).

Kekuatan indeks ini ialah ia berupaya menunjukkan tahap Kesepaduan Sosial dalam pelbagai aspek yang dapat disesuaikan dengan situasi tahun semasa kajian. Indeks ini semakin berkembang pesat dalam meneroka corak kehidupan keseluruhan masyarakat di negara tersebut.



Jadual 5: Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion 2007-2021

Domain	2007	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Belonging	100	96.6	95.0	95.0	96.6	91.0	92.6	93.4	93.5	92.0	92.0	88.9	87.5	84.2
Worth	100	97.2	96.7	96.7	96.5	93.8	96.8	97.2	95.9	94.7	94.4	90.9	83.0	82.0
Social Justice & Equity	100	112.4	91.9	91.9	94.4	98.0	93.7	90.6	91.7	87.5	92.4	93.1	110.5	97.4
Participation	100	105.3	98.0	98.0	106.6	90.8	93.6	99.7	98.8	104.2	100.6	102.9	93.8	95.0
Acceptance & Rejection, Legitimacy	100	94.4	81.5	81.5	78.6	68.8	70.9	81.6	66.6	64.1	69.3	72.1	86.6	81.4
Average	100	101.2	92.6	92.6	94.4	88.5	89.5	92.5	89.3	88.5	89.7	89.6	92.3	88.0

Sumber: scanloninstitute.org.au/research/mapping-social-cohesion

Indeks Nasional Berkaitan Perpaduan

Di Malaysia, beberapa agensi kerajaan telah membina indeks bersifat situasi seperti ketegangan masyarakat, kesejahteraan rakyat, kesejahteraan keluarga, belia dan patriotisme. Indeks-indeks tersebut ialah Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM), Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI), Indeks Belia Malaysia (IBM) dan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK).

Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)

Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) dibentuk dan diselenggarakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Pihak JPNIN telah mengumpul maklumat sejak 2008 bertujuan merekod

statistik bilangan kes bersifat konflik sebagai petunjuk kewujudan keadaan tegang dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penelitian terhadap indeks ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia telah mempunyai tahap Kesepaduan Sosial yang baik selama ini. Keadaan ini terus mengukuh sehingga keadaan masyarakat telah beranjak kepada ciri masyarakat madani. Keadaan inilah yang telah menjadikan negara Malaysia ini kekal aman dan harmoni (Lihat Jadual 6). Indeks ini mempunyai kekuatan sebagai petunjuk amaran awal kepada kemungkinan berlakunya kekacauan di sesuatu kawasan. Namun begitu, batasan kajian ini ialah ia bergantung kepada kes-kes yang telah berlaku dan dilaporkan sahaja.

Jadual 6: Bilangan Kes/Sejuta Penduduk Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) (2008-2021)

Tahun Penilaian	Bilangan Kes/Sejuta Penduduk	Keadaan Negara
2008	28.0	Kesepaduan Sosial
2009	21.7	Kesepaduan Sosial
2010	22.5	Kesepaduan Sosial
2011	18.2	Kesepaduan Sosial
2012	19.9	Kesepaduan Sosial
2013	18.9	Kesepaduan Sosial
2014	14.1	Masyarakat Madani
2015	9.6	Masyarakat Madani
2016	9.2	Masyarakat Madani
2017	11.4	Masyarakat Madani
2018	11.6	Masyarakat Madani
2019	18.7	Kesepaduan Sosial
2020	9.7	Masyarakat Madani
2021	8.3	Masyarakat Madani

Sumber: Laporan Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) (2008-2021)

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI)


Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia telah dibangunkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berdasarkan dua komponen penting, iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. (Lihat Jadual 7).

Prestasi Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia pada 2020 menurun 2.1 peratus kepada 118.3 mata berbanding 120.8 mata pada 2019. Kedua-dua subkomposit kesejahteraan menunjukkan penurunan pada 2020. Subkomposit kesejahteraan ekonomi merekodkan penurunan 3.4 peratus pada 2020 kepada 126.2 mata dan subkomposit kesejahteraan sosial pula menurun 1.2 peratus kepada 114.0 mata pada tempoh yang sama.

Jadual 7: Komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) (2010-2020)

Komponen	Nilai Indeks						
	2010	2015	2016	2017	2018	2019	2020
KESEJAHTERAAN EKONOMI	117.7	129.7	130.3	131.9	131.0	129.6	126.2
Pengangkutan	118.8	134.2	135.3	138.4	134.7	137.9	127.7
Komunikasi	112.7	130.3	130.3	132.1	130.8	130.5	130.0
Pendidikan	121.3	129.6	127.9	127.8	130.4	130.9	132.2
Pendapatan dan Pengagihan	116.2	133.0	134.2	135.3	133.4	130.3	117.6
Persekitaran Kerja	119.5	121.3	123.8	126.2	125.5	123.7	123.7
KESEJAHTERAAN SOSIAL	114.2	117.4	118.6	119.7	117.7	115.2	114.0
Perumahan	127.7	136.7	137.4	142.1	119.9	119.3	120.5
Liburan	121.3	131.4	132.4	134.7	133.9	131.5	110.9
Keselamatan Awam	113.2	132.1	131.3	128.5	132.4	126.6	140.4
Tadbir Urus	118.8	122.7	124.2	127.0	128.6	121.5	120.4
Penyertaan Sosial	111.3	118.5	125.2	121.7	128.6	118.7	121.7
Kebudayaan	119.8	110.6	109.3	110.4	110.6	109.3	91.7
Kesihatan	105.6	108.0	107.8	110.0	105.6	107.1	113.1
Alam Sekitar	106.6	99.3	102.1	105.7	109.3	106.9	109.8
Keluarga	103.4	97.5	97.4	97.1	97.4	97.4	97.0

Sumber: Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) (2010-2020)



Indeks Belia Malaysia (IBM)

Indeks Belia Malaysia (IBM) 2021 memaparkan nilai skor indeks 69.79 sebagai pencapaian tahap Sederhana berdasarkan enam (6) domain baharu dan empat puluh satu (41) indikator dalam mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia (Lihat Jadual 8 dan 9).

Indeks yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) ini mempunyai kekuatan tersendiri kerana memfokuskan kepada pelbagai indikator yang dapat menunjukkan pencapaian belia selaras dengan Dasar Belia Malaysia 2015-2035 (DBM). Indeks ini juga memfokuskan kepada pembangunan belia positif yang diwakili oleh indikator-indikator berkaitan.

Jadual 8: Indeks Belia Malaysia 2015-2020

Tahun	2015	2016	2017	2019	2020
Domain/Skor Keseluruhan (Tahap)	Nilai Skor	Nilai Skor	Nilai Skor	Nilai Skor	Nilai Skor
Keseluruhan Skor IBM	70.22 Sederhana	71.21 Sederhana	70.34 Sederhana	66.98 Sederhana	68.30 Sederhana
Domain Pembangunan Kendiri	72.60 Sederhana	73.80 Sederhana	72.19 Sederhana	73.39 Sederhana	73.04 Sederhana
Domain Hubungan Sosial	78.18 Memuaskan	78.06 Memuaskan	74.94 Sederhana	74.45 Sederhana	74.27 Sederhana
Domain Identiti	69.14 Sederhana	69.71 Sederhana	69.24 Sederhana	68.39 Sederhana	69.23 Sederhana
Domain Potensi Diri	68.13 Sederhana	68.37 Sederhana	69.39 Sederhana	66.38 Sederhana	66.57 Sederhana
Domain Kesihatan	68.42 Sederhana	76.59 Memuaskan	74.15 Sederhana	78.51 Memuaskan	74.94 Sederhana
Domain Pendidikan	71.22 Sederhana	73.86 Sederhana	74.65 Sederhana	77.08 Memuaskan	76.33 Memuaskan
Domain Ekonomi	54.26 Kurang Memuaskan	58.05 Kurang Memuaskan	55.75 Kurang Memuaskan	61.71 Sederhana	61.81 Sederhana
Domain Keselamatan	70.82 Sederhana	71.13 Sederhana	68.27 Sederhana	72.20 Sederhana	68.17 Sederhana
Domain Ketembusan Media	73.59 Sederhana	68.12 Sederhana	63.31 Sederhana	60.36 Sederhana	59.83 Kurang Memuaskan
Domain Sosialisasi Politik	45.82 Tidak Memuaskan	49.35 Tidak Memuaskan	50.07 Kurang Memuaskan	29.03 Sangat Tidak Memuaskan	27.75 Sangat Tidak Memuaskan
Domain Waktu Senggang	81.02 Sangat Memuaskan	76.14 Memuaskan	78.86 Memuaskan	70.82 Sederhana	69.01 Sederhana
Domain Bebas Tingkahlaku Devian	89.45 Sangat Memuaskan	91.31 Sangat Memuaskan	93.22 Sangat Memuaskan	97.20 Sangat Memuaskan	97.63 Sangat Memuaskan

Jadual 9: Indeks Belia Malaysia 2021

Domain Pendidikan	Domain Ekonomi	Domain Kesejahteraan Mental dan Fizikal	Domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan & Demokrasi	Domain Nilai & Identiti	Domain Media & Digital Citizenship
Nilai Skor 82.50 Memuaskan	Nilai Skor 59.07 Kurang memuaskan	Nilai Skor 68.91 Sederhana	Nilai Skor 60.31 Sederhana	Nilai Skor 75.00 Memuaskan	Nilai Skor 74.23 Sederhana

Sumber: Laporan Indeks Belia Malaysia (IBM) (2015-2021)

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK)

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia dihasilkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kali pertama pada tahun 2011. Laporan IKK 2016 memperlihatkan skor pada nilai 7.33 sebagai berada pada tahap sederhana.

IKK 2016 telah ditambah dengan satu domain pengukuran dan mengekalkan ketujuh-tujuh domain pengukuran pada tahun 2011. Perincian adalah sebagaimana dalam Jadual 10. Kekuatan indeks ini adalah ianya mampu memberikan gambaran yang baik mengenai tahap kesejahteraan sesebuah keluarga melalui domain yang terpilih.

Jadual 10: Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011-2019

Domain/ Indikator	Nilai Skor		
	2011	2016	2019
Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian	8.25	8.04	8.25
Domain Keselamatan Keluarga	7.39	7.96	7.86
Domain Hubungan Kekeluargaan	7.82	7.90	8.35
Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti	7.83	7.84	8.00
Domain Kesihatan Keluarga	7.38	7.18	7.44
Domain Ekonomi Keluarga	6.90	7.05	7.67
Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi	-	6.38	6.82
Domain Perumahan dan Persekitaran	7.28	6.24	7.35

Skala: Rendah (0-4), Sederhana (5-7), Tinggi (8-10)

Sumber: Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011-2019

Kesejahteraan Keluarga Malaysia





METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan keratan rentas.

Pensampelan

Sumber rangka pensampelan bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada *Malaysia Statistical Address Registrar (MSAR)*. MSAR ini digunakan untuk operasi punggutan data Banci Penduduk dan Perumahan 2020.

Kajian ini dijalankan di seluruh negeri melibatkan tiga belas (13) negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. Jumlah keseluruhan responden yang berjaya diperoleh adalah sebanyak 28,613 orang.

Instrumen

Instrumen IPNas 2022 mengandungi 162 item yang meliputi 6 konstruk dan 35 komponen. Penambahbaikan instrumen IPNas 2022 telah melalui penandaarasan serta sorotan literatur terhadap penyelidikan dari dalam dan luar negara selain perbincangan bersama pakar dalam bidang-bidang berkaitan. Semua konstruk mencapai kesahan konvergen berdasarkan nilai purata varian terekstrak (AVE) lebih besar daripada 0.5 bagi kesemua komponen konstruk. Kebolehpercayaan semua

konstruk dicapai berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* dan kebolehpercayaan komposit lebih daripada 0.7.

Kaedah Pengumpulan Data

Borang soal selidik dalam talian disediakan berbantuan penjana soal selidik *SurveyMonkey* dan ditadbir melalui enumerator dilantik yang hadir ke tempat tinggal responden (bergantung kepada SOP terkini-berkaitan Pandemik COVID-19) berdasarkan alamat Tempat Kediaman (TK) dalam Blok Penghitungan (BP) yang dijana oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi setiap negeri dan Wilayah Persekutuan dalam Malaysia.

Penggunaan pautan Kod QR Individu dan Kod QR Keluarga diedarkan kepada responden yang berada dalam Peta Blok Penghitungan dan Tempat Kediaman. Responden diminta menjawab soal selidik melalui pautan yang disediakan.

Dua kaedah alternatif ialah menghantar pautan kepada emel atau nombor telefon responden yang terlibat dalam setiap Tempat Kediaman (iaitu suami, isteri dan seorang anak).

Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kajian

Semua konstruk mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Kesahan konvergen berdasarkan nilai purata varian terekstrak (AVE) lebih besar

daripada 0.5 bagi kesemua komponen konstruk. Kebolehpercayaan semua konstruk dicapai berdasarkan nilai *alpha cronbach* dan kebolehpercayaan komposit lebih daripada 0.7.

A. Kesahan Konvergen dan Kebolehpercayaan Konstruk IPNas 2022

Jadual 11: Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk IPNas 2022

Bil	Konstruk	Kesahan	Kebolehpercayaan	
		AVE	Alpha Cronbach	Kebolehpercayaan Komposit
1.	Etos Bangsa (EB)	0.487	0.929	0.938
	Perkongsian Sejarah	0.760	0.683	0.863
	Perkongsian Nilai	0.903	0.892	0.949
	Kekitaan Bersama	0.645	0.451	0.784
	Perkongsian Masa Depan	0.673	0.838	0.892
	Kesetiaan	0.799	0.748	0.888
	Komitmen	0.780	0.721	0.876
2.	Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)	0.523	0.958	0.961
	Individu	0.619	0.911	0.928
	Keluarga	0.592	0.899	0.920
3.	Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP)	0.530	0.958	0.962
	Ekonomi	0.801	0.917	0.942
	Politik	0.574	0.750	0.841
	Jenayah	0.672	0.837	0.891
	Perkhidmatan Awam	0.782	0.907	0.935
	Kemudahan Awam	0.729	0.875	0.915
	Pengurusan Masyarakat	0.728	0.812	0.889

Bil	Konstruk	Kesahan	Kebolehpercayaan	
		AVE	Alpha Cronbach	Kebolehpercayaan Komposit
4.	Tahap Keetnikan (TK)	0.453	0.917	0.928
	Keetnikan	0.595	0.886	0.911
	Kemodenan	0.555	0.732	0.831
	Kestabilan	0.674	0.878	0.912
5.	Kesepaduan Sosial (KS)	0.355	0.911	0.922
	Rasa Kekitaan	0.569	0.749	0.840
	Keterangkuman	0.619	0.794	0.866
	Penyertaan Politik / Organisasi	0.570	0.747	0.841
	Pengiktirafan	0.528	0.695	0.812
	Legitimasi	0.551	0.727	0.829
	Kesamaan	0.717	0.607	0.835

Petunjuk: AVE = Purata Varians Terekstrak



Setiap konstruk didapati berbeza daripada konstruk lain berdasarkan dapatan analisis kesahan diskriminan melalui ujian *Fornell-Larcker Criterion* ($\sqrt{AVE} > r$) (Lihat Jadual 12) dan ujian *Heterotrait-Monotrait Ratio* (HTMT < 0.85). (Lihat Jadual 13).

B. Kesahan Diskriminan Konstruk (Ujian *Fornell-Larcker Criterion*)

Jadual 12: Kesahan Diskriminan Konstruk Berdasarkan Ujian *Fornell-Larcker Criterion*

Konstruk	EB	HSRE	KS	TUP	TK
Etos Bangsa (EB)	1.000				
Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)	0.659	0.927			
Kesepaduan Sosial (KS)	0.681	0.603	0.781		
Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP)	0.398	0.397	0.622	0.863	
Tahap Keetnikan (TK)	0.731	0.533	0.530	0.305	0.864

Petunjuk: $\sqrt{AVE} > r$ (Nilai ditebalkan)

EB=Etos Bangsa, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, KS=Kesepaduan Sosial, TUP=Tadbir Urus dan Pembangunan, TK=Tahap Keetnikan

C. Kesahan Diskriminan Konstruk (Nisbah Ujian HTMT)

Jadual 13: Kesahan Diskriminan Konstruk Berdasarkan Nisbah Ujian HTMT

Konstruk	EB	HSRE	KS	TUP	TK
Etos Bangsa (EB)					
Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)	0.685				
Kesepaduan Sosial (KS)	0.728	0.667			
Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP)	0.398	0.416	0.682		
Tahap Keetnikan (TK)	0.800	0.600	0.622	0.329	

Petunjuk: HTMT < 0.85

EB=Etos Bangsa, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, KS=Kesepaduan Sosial, TUP=Tadbir Urus dan Pembangunan, TK=Tahap Keetnikan

Penganalisan Data

Penganalisan data dijalankan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif dilakukan untuk menerangkan profil responden kajian menggunakan bilangan dan peratus. Analisis inferensi adalah berdasarkan pengujian ke atas model kajian IPNas menggunakan analisis *Partial Least Square Structural Equation Modeling* (PLS-SEM).

Model kajian IPNas berbentuk hubungan sebab-akibat. *Analisis Partial Least Square Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) mengangarkan model hipotesis kajian untuk menunjukkan peranan sebenar setiap konstruk apabila kesemuanya diuji secara serentak.

Proses analisis ini akan menentukan perubahan-perubahan yang disebabkan oleh konstruk-konstruk peramal iaitu Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Etos Bangsa dalam menjelaskan akibat iaitu perubahan pencapaian dalam Kesepaduan Sosial.

Setiap konstruk mempunyai asas konsep yang jelas apabila dihubungkan dengan konstruk lain. Penganggaran model adalah berdasarkan penilaian pengaruh keseluruhan, pengaruh langsung dan pengaruh tidak langsung peramal-peramal yang digunakan terhadap Kesepaduan Sosial.

Tahap Perpaduan adalah merujuk kepada perubahan dalam nilai Pekali Penentuan (R^2) bagi konstruk

Kesepaduan Sosial hasil perubahan yang disebabkan oleh konstruk peramal Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP), Tahap Keetnikan (TK), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dan Etos Bangsa (EB).

Petunjuk tahap perpaduan diadaptasikan daripada petunjuk PLS-SEM daripada Hair, Hult, Ringle dan Sarstedt (2021) mempunyai empat peringkat – Tinggi (0.75 hingga 1.00); Sederhana (0.50 hingga 0.74); Rendah (0.25 hingga 0.49); dan Lemah (0 hingga 0.24) seperti berikut:

Jadual 14: Hair, Hult, Ringle dan Sarstedt (2021)

Petunjuk	Nilai Petunjuk
Tahap perpaduan yang terbina dalam diri individu (biografi) rakyat Malaysia adalah tinggi	0.75 hingga 1.00
Tahap perpaduan yang terbina dalam diri individu (biografi) rakyat Malaysia adalah sederhana	0.50 hingga 0.74
Tahap perpaduan yang terbina dalam diri individu (biografi) rakyat Malaysia adalah rendah	0.25 hingga 0.49
Tahap perpaduan yang terbina dalam diri individu (biografi) rakyat Malaysia adalah lemah	0.00 hingga 0.24

Analisis *Importance-Performance Map Analysis* dilakukan untuk menentukan tahap prestasi konstruk Kesepaduan Sosial berbanding tahap kepentingan setiap peramal yang digunakan. Teknik ini akan membantu pencerapan yang lebih jelas untuk membolehkan pihak kerajaan merangka polisi dan proses intervensi melalui pelan tindakan yang bersesuaian.


Nota:

R^2 merupakan satu nilai di antara 0 sehingga 1 yang mengukur sumbangan setiap pembolehubah tidak bersandar secara bersama-sama ke atas pembolehubah bersandar




DAPATAN KAJIAN


Demografi Responden




Rajah 8: Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Negeri

Rajah 9: Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Jantina






Rajah 10: Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kategori Umur




Rajah 11: Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kategori Etnik




Rajah 12: Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Agama


Rajah 13:
Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan



Rajah 14:
Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Kategori Isi Rumah




Rajah 15:
Bilangan dan Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendapatan



Pencapaian IPNas 2022 Peringkat Nasional


Nilai IPNas 2022

Nilai IPNas berdasarkan nilai R² Kesepaduan Sosial (KS) bagi tahun 2022 ialah 0.629. Nilai indeks ini adalah sederhana berdasarkan skala di antara 0 hingga 1 yang di adaptasi dari Hair, Hult, Ringle dan Sarstedt (2021) : Tinggi (0.75 hingga 1.00); Sederhana (0.50 hingga 0.74); Rendah (0.25 hingga 0.49); dan Lemah (0 hingga 0.24). Pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia bagi tahun 2022 adalah sederhana dan terkawal. Tahap perpaduan dalam masyarakat Malaysia adalah lebih baik kerana meningkat sebanyak 0.062 mata berbanding IPNas 2018 (R²=0.567). Konstruk Etos Bangsa (EB), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dan Tahap Keetnikan (TK) juga menunjukkan peningkatan berbanding IPNas 2018 (Lihat Jadual 15).



Rajah 16: Pencapaian IPNas

Enam (6) Komponen Kesepaduan Sosial



Rajah 17: Peratus Persetujuan

Jadual 15: Nilai IPNas 2022 Dalam Masyarakat Malaysia

Konstruk	R ² (2022)	R ² (2018)	Peningkatan Mata
KS	0.629	0.567	+0.062
EB	0.644	0.465	+0.179
HSRE	0.345	0.146	+0.199
TK	0.093	0.083	+0.010


Petunjuk: KS=Kesepaduan Sosial, EB=Etos Bangsa, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, TK=Tahap Keetnikan Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

Model Komprehensif IPNas 2022

Dalam model komprehensif IPNas 2022, hubungan antara semua konstruk kajian diuji secara serentak. Faktor peramal Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Bangsa dan Tadbir Urus dan Pembangunan disusun bersama untuk menerangkan perubahan dan pencapaian konstruk Kesepaduan Sosial. Jalinan hubungan bersama dalam satu model ini amat penting supaya pencapaian konstruk Kesepaduan Sosial boleh dinilai bagi menggambarkan tahap perpaduan yang sebenarnya telah dicapai dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jika diteliti dalam Rajah 18 Model Komprehensif Indeks Perpaduan Nasional 2022, konstruk Kesepaduan Sosial mencapai tahap sederhana mengikut skala di antara 0 hingga 1 iaitu nilai R^2 adalah 0.629. Inilah nilai indeks bagi IPNas 2022. Dalam erti kata lain, tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia telah melebihi tahap sederhana. Tahap perpaduan ini dikatakan sebagai sederhana dan terkawal.

Kesemua konstruk peramal yang signifikan ini bersama-sama menyumbang secara langsung kepada perubahan dalam pencapaian Kesepaduan Sosial ini. Tadbir Urus dan Pembangunan memberikan sumbangan secara langsung tertinggi iaitu 0.388 diikuti oleh Etos Bangsa (0.384) dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (0.176).



Rajah 18: Model Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022

Jadual 16: Hubungan Langsung, Tidak Langsung dan Keseluruhan Konstruk

Bil	Konstruk	Nilai R ²		
		Hubungan Langsung	Hubungan Tidak Langsung	Kesan Keseluruhan
1.	TK -> EB	0.516		
2.	TK -> HSRE	0.455		
3.	TUP -> KS	0.388		
4.	EB -> KS	0.384		
5.	HSRE -> EB	0.342		
6.	TUP -> TK	0.305		
7.	TUP -> HSRE	0.258		
8.	HSRE -> KS	0.176		
9.	TUP -> EB	0.105		
10.	TK -> KS	0.037		
11.	TK -> EB -> KS		0.198	
12.	TUP -> TK -> EB		0.157	
13.	TK -> HSRE -> EB		0.156	
14.	TUP -> TK -> HSRE		0.139	
15.	HSRE -> EB -> KS		0.132	
16.	TUP -> HSRE -> EB		0.088	
17.	TK -> HSRE -> KS		0.080	
18.	TK -> HSRE -> EB -> KS		0.060	
19.	TUP -> TK -> EB -> KS		0.060	
20.	TUP -> TK -> HSRE -> EB		0.047	
21.	TUP -> HSRE -> KS		0.045	
22.	TUP -> EB -> KS		0.040	
23.	TUP -> HSRE -> EB -> KS		0.034	
24.	TUP -> TK -> HSRE -> KS		0.024	
25.	TUP -> TK -> HSRE -> EB -> KS		0.018	
26.	TUP -> TK -> KS		0.011	
27.	TK -> EB			0.672
28.	TUP -> KS			0.622
29.	TK -> HSRE			0.455
30.	TUP -> EB			0.398
31.	TUP -> HSRE			0.397
32.	EB -> KS			0.384
33.	TK -> KS			0.375
34.	HSRE -> EB			0.342
35.	HSRE -> KS			0.308
36.	TUP -> TK			0.305

Petunjuk: TUP=Tadbir Urus dan Pembangunan, TK=Tahap Keetnikan, HSRE = Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial



Penelitian hasil analisis kesan keseluruhan yang dipaparkan dalam Jadual 16 menunjukkan kesemua konstruk peramal iaitu Tadbir Urus dan Pembangunan (0.622), Etos Bangsa (0.384), Tahap Keetnikan (0.375) dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (0.308) memberikan sumbangan signifikan terhadap konstruk Kesepaduan Sosial. Dalam erti kata lain kesemua faktor peramal tersebut secara berurutan daripada Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa, Tahap Keetnikan hinggalah kepada Hubungan Sosial Rentas Etnik mampu merubah pencapaian Kesepaduan Sosial.

Kesimpulannya, model komprehensif IPNas 2022 telah berjaya menunjukkan peningkatan pencapaian Indeks Perpaduan Nasional 2022 sebanyak 0.062 mata daripada 0.567 dalam kajian awal dalam tahun 2018 kepada 0.629.

Sungguhpun perbincangan tersebut mendapati bahawa kesemua konstruk menyumbang kepada pencapaian Kesepaduan Sosial, namun perlu diteliti saiz impak sebenar setiap konstruk tersebut. Jadual 17 menunjukkan perbandingan hasil analisis saiz impak sebenar konstruk peramal Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa, Tahap Keetnikan dan Hubungan Sosial Rentas Etnik terhadap Kesepaduan Sosial bagi IPNas 2018 dan 2022.

Dalam analisis ini didapati konstruk Tadbir Urus dan Pembangunan memberi impak positif dan besar kepada Kesepaduan Sosial (0.328). Ini bermakna, jika Tadbir Urus dan Pembangunan diusahakan dengan baik, maka Kesepaduan Sosial akan meningkat sebanyak +0.301. Berlaku penurunan saiz impak Etos Bangsa sebanyak -0.069 dan Hubungan Sosial Rentas Etnik sebanyak -0.087. Penurunan ini hanya memberikan impak yang kecil. Manakala Tahap Keetnikan tiada sebarang impak (-0.007).

Jadual 17: Impak Pemboleh Ubah Peramal Terhadap Pencapaian Tahap Perpaduan

Konstruk	f ² (2022)	f ² (2018)	Peningkatan/ Penurunan
TK -> EB	0.528	0.175	+0.353
TUP -> KS	0.328	0.027	+0.301
TK -> HSRE	0.286	0.241	+0.045
HSRE -> EB	0.216	0.128	+0.088
EB -> KS	0.141	0.210	-0.069
TUP -> TK	0.102	0.093	+0.009
TUP -> HSRE	0.092	0.085	+0.007
HSRE -> KS	0.045	0.132	-0.087
TUP -> EB	0.026	0.062	-0.036
TK -> KS	0.002	0.009	-0.007

Petunjuk: TUP=Tadbir Urus dan Pembangunan, TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Nota: f² menunjukkan saiz kesan (*effect size*) yang berlaku apabila pembolehubah tidak bersandar mempengaruhi konstruk bersandar. Pengukuran ini ditentukan oleh nilai saiz kesannya sama ada **tiada impak (<0.02)**, **kecil (>=0.02)**, **sedehana (>=0.15)** atau **besar (>=0.35)**

Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Jantina


Responden lelaki mencapai tahap perpaduan lebih tinggi ($R^2=0.655$) berbanding responden perempuan ($R^2=0.614$). Pencapaian ini juga melebihi nilai peringkat nasional ($R^2=0.629$). Responden lelaki juga menunjukkan pencapaian yang tinggi bagi Etos Bangsa (EB), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dan Tahap Keetnikan (TK) berbanding responden perempuan.

Tahap perpaduan responden lelaki lebih tinggi berbanding perempuan berkemungkinan disebabkan oleh pendedahan dan pergaulan meluas responden lelaki berbanding perempuan dalam masyarakat.

Jadual 18: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Jantina

Jantina	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
Lelaki	0.102	0.383	0.670	0.655
Perempuan	0.089	0.324	0.629	0.614

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)
TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial



Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Jenis Isi Rumah

Anak dan Ketua Isi Rumah mencapai tahap perpaduan lebih tinggi daripada tahap nasional ($R^2=0.629$). Pencapaian tahap perpaduan bagi Anak lebih tinggi ($R^2=0.641$) berbanding Ketua Isi Rumah ($R^2=0.636$) dan Pasangan Isi Rumah ($R^2=0.617$). Ketua Isi Rumah juga mempunyai tahap perpaduan yang tinggi disebabkan pergaulan luas mereka di dalam masyarakat sama ada di tempat kerja atau dalam kawasan tempat tinggal.

Jadual 19: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Jenis Isi Rumah

Jenis Isi Rumah	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
Ketua Isi Rumah	0.089	0.354	0.657	0.636
Pasangan Isi Rumah	0.088	0.324	0.619	0.617
Anak Isi Rumah	0.110	0.467	0.687	0.641

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)
TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Kategori Umur

Responden berumur 15-20 tahun menunjukkan tahap pencapaian perpaduan yang paling tinggi ($R^2=0.686$) berbanding pencapaian peringkat nasional ($R^2=0.629$). Responden dalam kategori lain juga menunjukkan pencapaian tahap perpaduan lebih tinggi berbanding tahap nasional. Namun, responden dalam kategori umur 51-60 tahun ($R^2=0.597$) dan 61-64

tahun ($R^2=0.586$) menunjukkan tahap perpaduan yang lebih rendah daripada tahap nasional.

Alasan responden berumur 15-20 tahun mempunyai tahap pencapaian perpaduan yang tinggi adalah disebabkan majoriti daripada mereka masih bersekolah pada peringkat sekolah menengah atau di institusi pengajian tinggi. Manakala responden dalam kategori umur 51-60 tahun dan 61-64 tahun mempunyai tahap perpaduan semakin rendah berkemungkinan disebabkan mereka tidak lagi bergiat aktif dalam masyarakat.

Jadual 20: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Kategori Umur

Kategori Umur	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
15-20 tahun	0.256	0.572	0.735	0.686
21-30 tahun	0.088	0.464	0.678	0.637
31-40 tahun	0.110	0.467	0.687	0.641
41-50 tahun	0.068	0.359	0.634	0.636
51-60 tahun	0.093	0.289	0.613	0.597
61-64 tahun	0.114	0.156	0.535	0.586
65 tahun ke atas	0.155	0.311	0.582	0.614

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)
TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial



Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Etnik

Secara umum, penelitian terhadap etnik di Semenanjung menunjukkan tahap perpaduan adalah sederhana di sekitar nilai perpaduan nasional ($R^2=0.629$). Tidak terdapat perbezaan yang ketara antara ketiga-tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Namun, dua kumpulan etnik di Semenanjung iaitu Cina ($R^2=0.677$) dan Lain-lain Etnik ($R^2=0.702$) didapati menunjukkan pencapaian tahap perpaduan yang lebih tinggi berbanding pencapaian nasional ($R^2=0.629$). Lain-lain Etnik adalah campuran etnik minoriti yang pelbagai. Dapatan ini berkemungkinan menunjukkan wujud hubungan akrab dalam kalangan etnik Cina dan etnik minoriti lain sehingga menyebabkan perpaduan adalah tinggi.

Di Sabah, kesemua etnik menunjukkan tahap perpaduan yang sederhana. Namun, responden Murut ($R^2=0.793$),

Cina Sabah ($R^2=0.728$) dan Melayu Sabah ($R^2=0.637$) didapati menunjukkan pencapaian tahap perpaduan lebih tinggi berbanding pencapaian nasional ($R^2=0.629$). Tahap perpaduan yang tinggi dalam kalangan etnik Murut adalah disebabkan mereka mempunyai bahasa dan tradisi hidup bersama yang kuat di rumah panjang. Bagi etnik Cina dan Melayu, tahap perpaduan yang tinggi boleh dikaitkan dengan perjuangan bagi meneruskan kehidupan mereka dalam kalangan etnik majoriti lain di Sabah.

Di Sarawak, responden Bidayuh ($R^2=0.836$), Iban ($R^2=0.689$), Melanau ($R^2=0.662$) dan Lain-lain Etnik di Sarawak ($R^2=0.782$) didapati menunjukkan pencapaian tahap perpaduan lebih tinggi berbanding pencapaian nasional ($R^2=0.629$). Etnik lain menunjukkan tahap perpaduan yang sederhana. Pencapaian tinggi etnik Bidayuh, Iban dan Melanau di Sarawak adalah disebabkan mereka adalah etnik majoriti yang menjadi penentu kepada kehidupan seharian masyarakat di negeri ini.

Jadual 21: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Etnik

Etnik	Nilai R ²		
	Semenanjung	Sabah dan WP Labuan	Sarawak
Bumiputera			
Melayu	0.627	0.637	0.538
Bumiputera lain	-	-	-
Kadazan / Dusun	-	0.593	-
Bajau	-	0.602	-
Murut	-	0.793	-
Iban	-	-	0.689
Bidayuh	-	-	0.836
Melanau	-	-	0.662
Cina	0.677	0.728	0.613
India	0.622	-	-
Lain-lain	0.702	0.599	0.782

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Agama

Responden Lain-lain Agama ($R^2=0.789$), Tidak Menyatakan Agama ($R^2=0.773$) dan Buddha ($R^2=0.684$) didapati menunjukkan pencapaian tahap perpaduan lebih tinggi berbanding pencapaian nasional ($R^2=0.629$). Tahap perpaduan bagi penganut agama minoriti adalah kuat yang menggambarkan tahap keterikatan antara mereka.

Jadual 22: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Agama

Agama	Nilai R^2			
	TK	HSRE	EB	KS
Lain-Lain	0.136	0.411	0.734	0.789
Tidak Menyatakan	0.301	0.618	0.719	0.773
Buddha	0.161	0.533	0.724	0.684
Islam	0.070	0.337	0.615	0.624
Hindu	0.097	0.470	0.711	0.622
Kristian	0.109	0.470	0.664	0.602

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)
 TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial



Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Tahap Pendidikan

Responden berpendidikan LCE/SRP/PMR/PT3/Setaraf ($R^2=0.716$), UPSR/ Setaraf ($R^2=0.678$) dan MCE/SPM/Setaraf ($R^2=0.645$) didapati menunjukkan pencapaian tahap perpaduan lebih tinggi berbanding pencapaian nasional ($R^2=0.629$). Tahap pendidikan rendah dan menengah memperlihatkan tahap perpaduan yang lebih tinggi berbanding tahap pendidikan tertiar.

Jadual 23: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
LCE/SRP/PMR/PT3/Setaraf	0.279	0.474	0.677	0.716
UPSR/Setaraf	0.263	0.571	0.711	0.678
MCE/SPM/Setaraf	0.132	0.385	0.672	0.645
Ijazah/Sijil Profesional/ Setaraf	0.079	0.316	0.624	0.622
HSC/STPM/Sijil/Diploma	0.110	0.382	0.639	0.620
Sarjana/Doktor Falsafah	0.077	0.354	0.658	0.619

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Kategori Pendapatan Isi Rumah

Responden Tiada Pendapatan ($R^2=0.690$) didapati menunjukkan pencapaian tahap perpaduan lebih tinggi berbanding pencapaian nasional ($R^2=0.629$). Responden Tiada Pendapatan antaranya golongan Suri Rumah, Pelajar, Pencari Kerja dan Tidak Bekerja.

Jadual 24: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Kategori Pendapatan Isi Rumah

Pendapatan Isi Rumah	Nilai R^2			
	TK	HSRE	EB	KS
Tiada Pendapatan	0.158	0.490	0.681	0.690
RM10,960 dan ke atas	0.093	0.297	0.617	0.629
RM4,850 dan ke bawah	0.091	0.382	0.653	0.620
RM4,851 – RM10,959	0.081	0.322	0.634	0.619

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial



Hubungan Sosial Rentas Etnik Peringkat Individu, Keluarga dan Komuniti

Ketua isi rumah memperlihatkan tahap Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) yang lebih baik pada tahap individu, keluarga dan komuniti berbanding pencapaian tahap nasional. Bagi kategori Pasangan isi rumah, mereka memperlihatkan tahap HSRE yang tinggi

tetapi lebih rendah daripada tahap nasional. Bagi kategori Anak, mereka memperlihatkan tahap HSRE yang tinggi bagi ketiga-tiga peringkat namun, hubungan pada peringkat komuniti adalah lebih tinggi daripada peringkat nasional. Secara keseluruhannya, setiap kategori isi rumah mempunyai tahap HSRE yang tinggi. Bagi ketiga-tiga kategori ini, pendedahan yang meluas pada peringkat individu, keluarga dan komuniti akan menentukan tahap pencapaian HSRE. Bagi kategori Anak, pendedahan pada peringkat komuniti membina HSRE yang lebih baik berbanding peringkat individu dan keluarga.

Jadual 25: Perbandingan Persepsi Hubungan Sosial Rentas Etnik Antara Peringkat Individu, Keluarga dan Komuniti Mengikut Kategori Isi Rumah

Kategori Isi Rumah	Nilai R ² Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)		
	Individu	Keluarga	Komuniti
Nasional	0.879	0.901	0.797
Ketua isi rumah	0.888	0.905	0.803
Pasangan	0.874	0.898	0.789
Anak	0.876	0.899	0.818

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)
TK=Tahap Keetnikan, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial



Perbandingan Jurang Intergenerasi dan Intragenerasi Dalam Hubungan Sosial Rentas Etnik

Bapa Berbanding Anak: Tiada perbezaan HSRE antara generasi bapa dan anak pada semua peringkat individu, keluarga dan komuniti. Ini menunjukkan wujud persamaan dari segi penghayatan HSRE berdasarkan kefahaman dan amalan di ketiga-tiga peringkat.

Ibu Berbanding Anak: Terdapat perbezaan HSRE antara ibu dan anak di peringkat komuniti. Ini menunjukkan wujud perbezaan dari segi penghayatan HSRE berdasarkan kefahaman dan amalan di peringkat komuniti.

Suami Berbanding Isteri: Terdapat perbezaan HSRE antara suami dan isteri di peringkat individu. Ini menunjukkan wujud perbezaan dari segi penghayatan HSRE berdasarkan kefahaman dan amalan di peringkat individu.

Jadual 26: Perbandingan Jurang Inter-Generasi dan Intra-Generasi Dalam Hubungan Sosial Rentas Etnik Bagi Kategori Isi Rumah

Kategori Isi Rumah	Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)					
	Individu		Keluarga		Komuniti	
	Beza Pekali Laluan	Nilai P	Beza Pekali Laluan	Nilai P	Beza Pekali Laluan	Nilai P
Bapa vs Anak (Intergenerasi)	0.006	0.069	0.003	0.300	0.008	0.212
Ibu vs Anak (Intergenerasi)	0.001	0.742	0.000	0.878	0.016	0.003*
Suami vs Isteri (Intragenerasi)	0.007	0.001*	0.003	0.055	0.008	0.064

Petunjuk: *Nilai Signifikan, $p < 0.05$

Pengaruh Defisit Sosial Dalam Model Komprehensif IPNas

Hanya empat kategori Defisit Sosial iaitu Pendidikan, Agama, Jurang Generasi dan Bahasa mempengaruhi secara tidak langsung tahap Kesepaduan Sosial (KS).

Keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa Defisit Sosial tidak menjadi elemen yang menggugat tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Namun pihak berautoriti perlu memberi fokus kepada empat perkara ini iaitu pendidikan, agama, jurang generasi dan bahasa untuk memastikan kawalan terhadap pencapaian tahap perpaduan akan dikekalkan untuk generasi seterusnya.

Jadual 27: Pencapaian Tahap Perpaduan Berdasarkan Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Kategori Defisit Sosial

Kategori Defisit Sosial	Nilai P Kesepaduan Sosial (KS)		
	Kesan Langsung	Kesan Tidak Langsung	Catatan
Pendidikan	-0.036	-0.170*	Mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Agama	-0.026	-0.170*	Mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Jurang Generasi	-0.010	-0.160*	Mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Bahasa	-0.020	-0.151*	Mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, dan EB
Kelas Sosial	-0.009	-0.140	Tidak mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Gender	-0.044	-0.110	Tidak mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Media	0.019	0.104	Tidak mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Ruang Bandar-Desa	-0.000	-0.095	Tidak mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Politik Federalisme	-0.01	-0.039	Tidak mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP
Etnisiti	-0.028	-0.333	Tidak mempengaruhi KS melalui TK, HSRE, EB, dan TUP

Petunjuk: *Nilai Signifikan, $p < 0.05$

Nota: Merujuk kepada Jadual 27, nilai negatif adalah hasil janaan automatik analisis yang menunjukkan arah atau kedudukan defisit sosial yang difahami sebagai kurangan yang wujud dalam konsep diukur.

Pengaruh Defisit Sosial Mengikut Etnik

Semenanjung: Melayu, Cina, India dan Lain-Lain Etnik (Jadual 28)

Bagi etnik Melayu, sembilan kategori Defisit Sosial didapati signifikan dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan kecuali kategori Media. Mengikut susunan tertinggi ke terendah, Defisit Sosial paling mempengaruhi etnik Melayu ialah Etnisiti, Agama, Pendidikan, Politik Federalisme, Ruang Bandar-Desa, Jurang Generasi, Kelas Sosial, Gender dan Bahasa.

Bagi etnik Cina, hanya tiga kategori Defisit Sosial iaitu Pendidikan, Politik Federalisme dan Etnisiti didapati signifikan dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan manakala tujuh yang lain iaitu Gender, Ruang Bandar-Desa, Kelas Sosial, Agama, Jurang Generasi, Media dan Bahasa didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan.

Bagi etnik India, lapan kategori Defisit Sosial didapati menggugat pencapaian tahap perpaduan mengikut susunan tertinggi hingga terendah iaitu Pendidikan, Agama, Kelas Sosial, Gender, Politik Federalisme, Jurang Generasi, Ruang Bandar-Desa dan Media. Dua kategori lain iaitu Etnisiti dan Bahasa didapati tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap pencapaian tahap perpaduan.

Bagi Lain-lain Etnik, hanya Defisit Sosial kategori Ruang Bandar-Desa sahaja didapati signifikan dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan.

Sabah: Melayu, Kadazan/Dusun, Bajau, Murut, Cina, dan Lain-lain Etnik (Jadual 29)

Di Sabah, tiga kategori Defisit Sosial iaitu Bahasa, Agama dan Etnisiti didapati signifikan dalam mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan etnik Kadazan/Dusun. Hanya Defisit Sosial kategori Ruang Bandar-Desa didapati signifikan mempengaruhi etnik Cina dan Defisit Sosial kategori Bahasa didapati signifikan mempengaruhi Lain-lain Etnik.

Sarawak: Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh, Cina dan Lain-lain Etnik (Jadual 30)

Di Sarawak, Defisit Sosial kategori Etnisiti didapati signifikan dalam mempengaruhi etnik Melanau, manakala kategori Defisit Sosial kategori Jurang Generasi didapati signifikan dalam mempengaruhi etnik Bidayuh dalam mencapai tahap perpaduan. Manakala semua kategori Defisit Sosial tidak mempengaruhi etnik Melayu, Iban, Cina dan Lain-lain Etnik.

Jadual 28: Pencapaian Tahap Perpaduan Bagi Etnik Melayu, Cina, India dan Lain-lain di Semenanjung Malaysia

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ² (Melayu)	Kategori Defisit Sosial	Nilai R ² (Cina)	Kategori Defisit Sosial	Nilai R ² (India)	Kategori Defisit Sosial	Nilai R ² (Lain-lain Etnik)
1. Etnisiti	-0.043*	1. Pendidikan	-0.047*	1. Pendidikan	-0.086*	1. Ruang Bandar-Desa	0.067*
2. Agama	-0.039*	2. Politik Federalisme	-0.036*	2. Agama	-0.070*	2. Jurang Generasi	-0.078
3. Pendidikan	-0.038*	3. Etnisiti	-0.031*	3. Kelas Sosial	-0.069*	3. Kelas Sosial	0.060
4. Politik Federalisme	-0.016*	4. Gender	-0.016	4. Gender	-0.062*	4. Media	0.057
5. Ruang Bandar-Desa	-0.020*	5. Ruang Bandar-Desa	-0.010	5. Politik Federalisme	-0.061*	5. Etnisiti	0.046
6. Jurang Generasi	-0.022*	6. Kelas Sosial	-0.009	6. Jurang Generasi	-0.059*	6. Politik Federalisme	0.034
7. Kelas Sosial	-0.038*	7. Agama	-0.009	7. Ruang Bandar-Desa	-0.051*	7. Bahasa	-0.025
8. Gender	-0.037*	8. Jurang Generasi	0.008	8. Media	-0.040*	8. Gender	0.021
9. Bahasa	-0.020*	9. Media	-0.005	9. Etnisiti	-0.043	9. Agama	0.014
10. Media	-0.003	10. Bahasa	0.003	10. Bahasa	-0.031	10. Pendidikan	0.003

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

Petunjuk: *=Nilai Signifikan, p<0.05

KS=Kesepaduan Sosial



Jadual 29: Pencapaian Tahap Perpaduan Bagi Etnik Melayu, Kadazan/Dusun, Bajau, Murut, Cina dan Lain-lain di Sabah (Termasuk WP Labuan)

Jadual 29(a): Melayu

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Bahasa	-0.076
2.Jurang Generasi	-0.064
3.Etnisiti	0.060
4.Pendidikan	-0.055
5.Agama	-0.051
6.Ruang Bandar-Desa	-0.035
7.Politik Federalisme	-0.034
8.Gender	-0.029
9.Kelas Sosial	-0.008
10.Media	0.001

Jadual 29(d): Murut

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Etnisiti	-0.226
2.Ruang Bandar-Desa	0.071
3.Politik Federalisme	-0.069
4.Media	-0.051
5.Gender	-0.040
6.Kelas Sosial	0.026
7.Pendidikan	-0.023
8.Bahasa	-0.019
9.Agama	0.012
10.Jurang Generasi	0.008

Jadual 29(b): Kadazan/ Dusun

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Bahasa	0.223*
2.Agama	0.124*
3.Etnisiti	0.101*
4.Kelas Sosial	0.104
5.Jurang Generasi	0.081
6.Gender	0.078
7.Pendidikan	0.065
8.Ruang Bandar-Desa	0.064
9.Politik Federalisme	-0.061
10.Media	0.020

Jadual 29(e): Cina

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Ruang Bandar-Desa	0.225*
2.Agama	0.118
3.Jurang Generasi	0.115
4.Gender	-0.078
5.Media	-0.066
6.Kelas Sosial	0.062
7.Etnisiti	-0.050
8.Bahasa	-0.030
9.Pendidikan	0.007
10.Politik Federalisme	0.003

Jadual 29(c): Bajau

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Ruang Bandar-Desa	-0.088
2.Politik Federalisme	-0.073
3.Gender	0.059
4.Jurang Generasi	0.052
5.Media	-0.051
6.Kelas Sosial	0.026
7.Etnisiti	-0.020
8.Agama	0.011
9.Pendidikan	0.009
10.Bahasa	-0.009

Jadual 29(f): Lain-lain Etnik

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Bahasa	-0.091*
2.Gender	-0.095
3.Agama	-0.077
4.Etnisiti	0.059
5.Ruang Bandar-Desa	-0.046
6.Pendidikan	-0.043
7.Jurang Generasi	-0.040
8.Politik Federalisme	-0.029
9.Kelas Sosial	-0.029
10.Media	0.017

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)
 Petunjuk: *=Nilai Signifikan, p<0.05

Jadual 30: Pencapaian Tahap Perpaduan Bagi Etnik Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh, Cina dan Lain-lain di Sarawak**Jadual 30(a):** Melayu

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Media	-0.087
2.Agama	-0.076
3.Gender	-0.072
4.Jurang Generasi	-0.066
5.Pendidikan	-0.055
6.Politik Federalisme	-0.048
7.Etnisiti	0.036
8.Bahasa	-0.031
9.Kelas Sosial	-0.025
10.Ruang Bandar-Desa	-0.014

Jadual 30(b): Iban

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Politik Federalisme	-0.102
2.Kelas Sosial	-0.086
3.Etnisiti	0.061
4.Bahasa	0.045
5.Media	-0.034
6.Gender	0.028
7.Ruang Bandar-Desa	-0.025
8.Agama	-0.016
9.Pendidikan	-0.016
10.Jurang Generasi	0.013

Jadual 30(c): Melanau

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Etnisiti	-0.295*
2.Ruang Bandar-Desa	0.263
3.Politik Federalisme	-0.162
4.Bahasa	0.120
5.Agama	-0.105
6.Media	0.054
7.Pendidikan	0.046
8.Gender	-0.019
9.Jurang Generasi	-0.017
10.Kelas Sosial	-0.013

Jadual 30(d): Bidayuh

Kategori Defisit Sosial	Nilai R ²
1.Jurang Generasi	0.183*
2.Pendidikan	0.121
3.Politik Federalisme	0.107
4.Media	0.103
5.Ruang Bandar-Desa	0.097
6.Kelas Sosial	0.094
7.Etnisiti	0.052
8.Gender	0.042
